



MAJLIS PERBANDARAN MUAR
IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa dari kalangan Warganegara Malaysia (keutamaan kepada rakyat Negeri Johor Darul Takzim) yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut :-

- 1. SKIM PERKHIDMATAN** : PEGAWAI PENILAIAN GRED W41
(a) **KLASIFIKASI** : KEWANGAN
(b) **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

- 2. JADUAL GAJI** **JADUAL GAJI MINIMUM - MAKSIMUM**

Gred W41 : RM 2,094.00 - RM 9,585.00

- 3. SYARAT LANTIKAN** Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- a) warganegara Malaysia;
- b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) (i) Ijazah Sarjana Muda Sains (Pengurusan Harta Tanah) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41 :RM 2,508.29);

dan (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- 4. TARAF JAWATAN** : TETAP

- 5. KEKOSONGAN JAWATAN** : SATU (1)

6. PERMOHONAN :

- (a) Pemohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan mestilah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am 17 Bab A dibawah peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat, dan Penamatian Perkhidmatan) Tahun 2005 dan hendaklah disertakan dengan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Nilaian Prestasi Tahunan terkini;
- (b) Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang boleh dimuat turun secara percuma di laman web Majlis Perbandaran Muar iaitu : www.mpmuar.gov.my atau di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan pada hari Ahad hingga Rabu dari jam 08.00 pagi hingga 05.00 petang, dan hari Khamis dari jam 08.00 pagi hingga 03.30 petang dengan bayaran RM 1.00/set. Sila sertakan sekeping gambar terbaru berukuran passport dan salinan yang telah disahkan semua dokumen seperti kad pengenalan, sijil kelahiran, sijil-sijil akademik dan lain-lain dokumen sokongan;
- (c) Pemohonan yang lewat, tidak lengkap, tidak diakui sah atau tidak mengikut syarat di atas akan ditolak;
- (d) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Mereka yang tidak dihubungi dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri ujian dan temuduga adalah ditanggung oleh calon-calon sendiri.
- (e) Bagi kelayakan Ijazah/Diploma/Sijil perlu mendapatkan pengiktirafan kelayakan di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui laman web interaktif <http://interactive.jpa.gov.my/webinteraktif/frmSenaraiPengiktirafanBaru.asp> dan dilampirkan bersama *resume* permohonan.
- (f) Sila tulis nama jawatan yang dipohon di penjuru atas sebelah kiri sampul surat dan dihantar kepada :

YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN MUAR
KARUNG BERKUNCI NO. 516
84009 MUAR

pada atau sebelum : **23 JULAI 2017**